

Newspaper	Selangor Kini
Date	25/08/2017

Pilihan Raya Umum ke-14

Najib gelisah satu lawan satu

Selangor Kini - 25/8/2017 pg. 9

OLEH ERMIZI MUHAMAD

SHAH ALAM - Permuafakatan gabungan pembangkang mampu mencetuskan Tsunami Melayu yang berupaya menghakis penguasaan Umno daripada terus mentadbir Putrajaya.

Pengarah Komunikasi Strategik Pejabat Menteri Besar Selangor, Yin Shao Loong berkata, perkembangan itu membimbangkan Presiden Umno, Datuk Seri Najib Razak ekoran kluatir kalah teruk pada Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU 14).

Bellau optimis, perkara itu mampu direalisasikan hasil perbincangan rapat Timbalan Presiden KEADILAN, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali bersama gabungan komponen pembangkang, di peringkat Persekutuan.

"Parti pembangkang kini berada dalam keadaan peralihan ketika Umno kini berada pada krisis kepercayaan dan populariti selain dipimpin perdana menteri yang paling tidak popular.

"Najib bimbang senario partinya akan menghadapi saingan sukar berdepan komponen pembangkang yang akan men-



datangkan kerugian maksimum kepada Umno.

"Malah, ia sekali gus membolehkan terbentuknya Tsunami Melayu dan membuka jalan bagi perubahan dalam Kerajaan Persekutuan," katanya dalam kenyataan.

Bellau berkata, permuafakatan komponen pembangkang sebelum ini juga menjadi landasan terbaik bahawa penyatuan itu

berjaya menafikan penguasaan Umno, pada PRU-13.

"Masih wujud peluang bagi permuafakatan itu demi kepentingan semua komponen pembangkang jika ia direalisasikan. Seterusnya, tidak mustahil permuafakatan itu mampu menafikan penguasaan Umno di 20 kerusi atau lebih," katanya.

PRU13 lalu menyaksikan PAKATAN meraih undi popular hasil

daripada permuafakatan komponen pembangkang dengan menang 89 kerusi Parlimen dan 230 kerusi Dewan Undangan Negeri, berbanding Barisan Nasional (BN) iaitu 133 kerusi Parlimen tetapi hilang tujuh kerusi dari 140, pada PRU ke-12.

Bagi undi keseluruhan pula, PAKATAN berjaya mendapat 5.5 juta undi berbanding BN 5.2 juta sahaja, dalam PRU-13.

Parti pembangkang kini berada dalam keadaan peralihan ketika Umno kini berada pada krisis kepercayaan dan populariti selain dipimpin perdana menteri yang paling tidak popular

YIN SHAO LOONG
Pengarah Komunikasi Strategik Pejabat Menteri Besar Selangor,

Walaupun di atas kertas BN menang dengan 133 kerusi Parlimen, hakikatnya rakyat sudah menolak parti itu berdasarkan peratusan jumlah undi diberikan kepada PAKATAN.

Bagaimanapun, jika Malaysia mengamalkan kaedah yang diguna pakai di luar negara iaitu *Proportional Representation* (PR), bermakna secara jelas PAKATAN berjaya membentuk Kerajaan Persekutuan menggantikan BN, di Putrajaya.